

Utamakan juga keperluan mencari ilmu

BH. 24 Nov. 1988

# PM: Cara bina Bahasa kita

DATUK Seri Dr Ma-hathir Mohamad mengingatkan bahawa langkah mendaulatkan Bahasa Kebangsaan mestilah dilaksanakan secara sedar tanpa mengene-pikan kepentingan ba-hasa-bahasa ilmu lain.

Perdana Menteri mene-gaskan, bahasa ilmu dan ni-lai-nilai asing yang positif adalah penting bagi mem-perkuatkan sistem pendidi-kan, memindahkan teknolo-gi dan ilmu pengetahuan dari luar, malah pengua-saan bahasa-bahasa lain akan memperkuatkan lagi Bahasa Kebangsaan.

Beliau juga menegaskan ba-hawa penguasaan lebih dari-pada satu bahasa tidak ber-

"Di sinilah letaknya tanggungjawab masyarakat pcnulis dan seniman untuk mengarang atau mencipta karya-karya yang bermutu yang dapat memikat pembaca dan pcnontonnya," tambah-nya.

Begitu juga penerbit-pener-bit terutamanya surat khabar Bahasa Kebangsaan untuk meningkatkan mutu rencana yang disiarkannya, sesuai dengan cita-cita untuk mem-perluaskan lagi penggunaan

## Bahasa Kebangsaan.

Beliau menasih-kan; jika ingin mem-perkayakan Bahasa Kebangsaan, bukan sahaja pakar-pakar bahasa perlu mengua-sai bahasa asing, teta-pi juga setiap mereka yang terpelajar dan ahli profesional hendaklah menguasai se-kurang-kurangnya dua bahasa.

"Ini tidak bermakna kita menderhaka ke-

makna menderhaka kepada Bahasa Kebangsaan.

"Kita harus ingat bahawa pembangunan Bahasa Kebangsaan ke peringkat sekarang dicapai kerana ada antara kita yang dapat menguasai bahasa-bahasa asing," katanya di majlis jamuan malam Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena), di sini, malam ini.

## Perlu rasional

"Saya sedar, pelaksanaan Bahasa Kebangsaan kita itu bukanlah tanpa masalah. terutama di segi penggunaannya dalam kehidupan sehari-hari, seperti di kalangan pihak swasta di bandar-bandar. Tetapi, kita haruslah melihatnya secara rasional," tambahnya.

Beliau juga menegaskan perlunya diperkukuhkan penggunaan Bahasa Ke-

bangsaan sebagai bahasa ilmu pengetahuan dan bahasa kebudayaan yang tinggi.

Oleh itu, katanya, adalah menjadi tugas golongan terpelajar yang menguasai bahasa-bahasa asing untuk memindahkan kekayaan ilmu pengetahuan dunia ke Bahasa Kebangsaan.

Katanya, dalam usaha meluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa kebudayaan tinggi, kerjasama antara individu dan institusi mestilah ditingkatkan.

pada bahasa Kebangsaan kita di samping memperluaskan ilmu yang dimiliki," tambahnya.

## Imbangan

"Hari ini kita masih boleh menterjemah tulisan bahasa asing. Saya khawatir jika perasaan kebangsaan kepada bahasa mengongkong kita, akan terputuslah kita daripada punca-punca ilmu yang diterokai oleh bangsa lain," katanya.

Oleh itu, katanya; sekarang adalah masa untuk mencari perimbangan yang sesuai antara penggunaan Bahasa Kebangsaan dengan bahasa-bahasa ilmu dunia. Perimbangan ini, jika diujahkan kepada masyarakat secara logik tidak seharusnya menimbulkan sebarang kesangsian atau tentangan.

Beliau juga mencadangkan supaya konsep pengswastan kerajaan diperluaskan dalam lapangan pembinaan bahasa dan kebudayaan kerana ia perlu dibina dengan dayausaha rakyat sendiri.